



PIHAK DBKL menyita peralatan dari sebuah kedai runcit di Kampong Bharu, Kuala Lumpur kelmarin.

Peniaga warga asing degil diambil tindakan

(2 OGOS 2021) KUTSU, P12

KUALA LUMPUR – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil tindakan tegas terhadap peniaga warga asing yang ingkar atas pelbagai kesalahan di sekitar Kampong Bharu dan Kampung Datuk Keramat, di sini kelmarin.

DBKL dalam satu kenyataan berkata, operasi itu dijalankan dengan kekuatan 17 anggota dari Jabatan Penguatuasaan dan kakitangan Pejabat Cawangan Titiwangsa.

“Sebanyak lima tindakan telah diambil di kawasan Kampong Bharu membabitkan kawasan di Jalan Hamzah, Jalan Raja Muda Musa dan Persiaran Sungai Baru, manakala di Jalan Datuk Keramat, satu tindakan

turut diambil.

“Kita juga telah menge luarkan empat notis kesalahan kerana menggaji warga asing (3) dan menjalankan perniagaan tanpa lesen (1),” katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, pihaknya turut mengenakan lima tindakan sita dari menutup premis di bawah Akta 101 (1)(v), Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan satu sitaan di bawah Undang-Undang Kecil 3 (1).

“Siasatan dan semakan mendapati, warga asing ini menyewa daripada warga tempatan dengan kadar sewa antara RM500 hingga RM1,000 sebulan dan bergantung kepada ke luasan tapak,” jelasnya.